

Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'an, al-Hadith dan Hikmah

Al-Qur'an

Dan Tuhan kamu itu adalah Tuhan Yang Maha Esa, tidak ada Tuhan (yang sebenarnya) melainkan Dia, Maha Pemurah, Maha Penyayang.

(Al-Baqarah: 163)

* * *

Dan jika Allah mengenakan bahaya kepada mu, maka tidaklah ada sesiapa yang boleh melepaskannya melainkan Dia, dan jika Ia mahukan kebaikan bagimu, maka tiada sesiapa pun yang boleh menolak kurniaan-Nya itu. Ia memberikan (kebaikan) kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya di antara hamba-hamba-Nya, kerana Dialah Tuhan yang Maha Pengampun, Maha Penyayang.

(Yunus: 107)

* * *

Dan tiadalah untuk manusia itu, melainkan apa yang telah diusahakannya.

(Al-Najm: 39)

* * *

Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu berasal daripada lelaki dan perempuan (bapa dan ibu), dan Kami jadikan pula kamu berpuak-puak dan bersuku bangsa supaya kamu dapat berkenalan-kenalan di antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu pada sisi Allah ialah orang yang lebih sifat takwa (takut kepada Allah dengan mengerjakan segala perintah-Nya). Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui lagi Bijaksana.

(Al-Hujurat: 13)

Al-Hadith

Nabi ditanya oleh para Sahabat:

“Siapakah orang-orang Islam yang paling baik?” Baginda menjawab: “Siapa-siapa yang tidak menyakiti orang-orang Islam dengan lidah dan tangannya.”

(Muslim)

* * *

Telah bersabda Rasulullah *shallā Allāhu 'alayhi wa sallam*: “Perbuatan yang paling baik ialah mengasihani seseorang itu dengan kerana Allah dan membenci seseorang itu dengan kerana Allah pula.

(Abu Daud)

* * *

Telah bersabda Rasulullah *shallā Allāhu 'alayhi wa sallam*: “Tidak ada iman bagi orang-orang yang tidak bersifat amanah, tidak ada agama bagi orang-orang yang tidak menepati janjinya.”

(Shuab-ul-Iman)

* * *

Barang siapa yang menyaksikan bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad itu Rasul (Pesuruh) Allah, maka Allah mengharamkan ke atasnya api neraka.

(Muslim)

* * *

Apabila kamu bangun daripada tidur, maka janganlah dicelupkan tangan kamu di dalam mangkuk, sehingga kamu membasuhnya tiga kali. Sebab kamu tidak mengetahui di mana tangan kamu itu menjalar di anggota kamu sewaktu kamu dalam tidur.

(Mutafaqu 'alayhi)

Hikmah

“Engkau tidak beramal dengan apa yang engkau telah ketahui, mengapa engkau menuntut lagi apa yang engkau belum ketahui?”

(Seri Sakti)

* * *

“Ilmu pengetahuan itu nyawa bagi hati, melepaskan seseorang itu daripada belenggu kejahilan dan menerangkan matanya daripada jurang kegelapan.”

(Abu Ali Saqafi)

* * *

Ada tiga golongan manusia yang mesti kita jauhi. Pertama – ulama yang lalai, kedua – orang-orang fakir yang pemalas dan ketiga – ahli-ahli tasawuf yang jahil.

(Yahya ibn Mu'adh)

* * *

Saya telah berjihad di lapangan ilmu pengetahuan selama tiga puluh tahun. Tetapi saya tidak bertemu lebih sukar daripada mempraktikkan (mengamalkan) ilmu pengetahuan itu.

(Abu Yazid Bustami)

* * *

Sifat seorang hamba Tuhan yang teragung ialah pandai menyimpan rahsia. Pandai menjaga dirinya dan menunaikan segala kewajibannya.

(Rowaim bin Muhammad)

* * *

Orang mukmin yang sebenarnya ialah orang-orang yang tidak memerlukan sebarang pertolongan orang lain selain daripada pertolongan Allah.

(Abu Bakr Shibli)